

Larang guna tanah rizab parit, jalan

Penjaja tak boleh bina struktur di tepi kanan, kiri jalan persekutuan, kesalahan di bawah Akta Kanun Tanah Negara

SABAK BERNAM – Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) mengambil inisiatif memindahkan penjaja tepi jalan persekutuan ke beberapa lokasi yang dicadangkan kerana gerai yang dibina mereka itu adalah di tanah rizab parit dan jalan milik Jabatan Pengairan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Setiausahanya, Awaluddin Zakaria berkata, penjaja tidak dibenarkan membina struktur bangunan di tepi kanan dan kiri jalan persekutuan kerana satu kesalahan di bawah Akta Kanun Tanah Negara.

Malah, katanya, peniaga yang membina gerai di tepi jalan itu juga dikhuatiri mengundang risiko kemalangan kepada pengguna jalan raya lain berikutan keadaan aliran trafik sesak terutama pada waktu-waktu puncak.

'Tolong jangan pindahkan kami'

20 penjaja tepi jalan kecewa gerai diroboh, bantah arahan MDSB



20 penjaja tepi jalan kecewa gerai diroboh, bantah arahan MDSB

Laporan Sinar Harian 6 Januari lalu.

“Pada masa sama, pihak JPS ada memaklumkan mereka telah menerima peruntukan untuk kerja penyelenggaraan parit di kanan dan kiri jalan terbabit bagi mengelakkan kejadian air pasang dan banjir.

“Selain itu, JKR turut mengesahkan projek menaik taraf jalan persekutuan

dijangka siap pada 2017 dan ekoran itu, peniaga terpaksa dipindahkan bagi memberi laluan bagi projek pembangunan di jalan terbabit,” katanya.

Sehubungan itu, katanya, MDSB memberi tempoh sehingga Jun depan kepada penjaja tepi jalan untuk berpindah ke tempat-tempat yang di-

cadangkan MDSB bagi mengelakkan mereka dikenakan tindakan penguatkuasaan.

“Jika mereka masih berdegil arahan pemindahan ini, kita tidak teragak-agak untuk memberi notis amaran dan tindakan kompaun,” katanya.

Awaluddin berkata, MDSB mengambil beberapa langkah bagi membantu penjaja tepi jalan antaranya mengarahkan mereka berpindah ke kawasan tapak kediaman dan memohon lesen perniagaan.

“Jika mereka tidak memiliki tanah, mereka boleh menyewa tanah milik individu yang berdekatan dengan tapak perniagaan dan mestilah tidak menjalankan perniagaan di rizab jalan dan parit terbabit.

“Sekiranya mereka masih tidak mempunyai tempat, mereka boleh memohon di kawasan operasi MDSB seperti dipe-

kan kecil di Sekinchan, Sungai Besar, Sabak, Simpang Lima dan sebagainya,” katanya.

Kelmarin, *Sinar Harian* melaporkan, kira-kira 20 penjaja di sepanjang tepi jalan persekutuan di daerah ini merugut berikutan tindakan MDSB yang mengarahkan mereka berpindah ke pasar-pasar berhampiran.

Peniaga mendakwa, hasil perjumpaan dengan MDSB pada 30 Disember lalu, mereka dikehendaki berpindah ke Pasar Selasa Sungai Haji Dorani, Pekan Pasir Panjang dan Ladang Air Manis.

Lebih menyedihkan, gerai yang dibina menggunakan wang sendiri itu juga telah dan akan

dirobohkan waktu terdekat.

Peniaga tanaman kon-tan, Abdul Latif Abdullah, 49, berkata, tindakan MDSB memindahkan peniaga bukan saja menjejaskan penjaja tepi jalan, malah permintaan terhadap produk hasil pertanian penduduk kampung juga di-bimbangi akan merosot.



AWALUDDIN